

5,000 pengunjung bakal meraihan Tamu Gadang UMS Labuan 2016

NST 10.11.2016 6
LABUAN: Dianggarkan kira-kira 5,000 hingga 10,000 pengunjung bakal mengunjungi program tahunan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Tamu Gadang 2016 yang akan diadakan pada 18-20 November ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik (gambar) berkata sasaran itu mampu dicapai berdasarkan sambutan penyertaan pasukan dan peserta dari dalam dan luar negara.



Katanya, menerusi penyertaan peserta tempatan dan antarabangsa itu, pihaknya yakin penonton dan peminat acara tersebut akan memenuhi setiap lokasi gelanggang yang disediakan pihak penganjur.

"Sebagai contoh terdapat 22 pasukan akan menyertai acara bola tampar termasuk dari Indonesia dan Sabah. Manakala kumpulan tarian dari Semenanjung, Indonesia dan Filipina akan menyertai Festival Tari dan Muzik Rakyat Antarabangsa," katanya.

Kata Dr Murnizam, selain warga Labuan, pihaknya turut mensasarkan pengunjung dari kawasan berhampiran termasuk dari Limbang dan Lawas, Menumbok, Sipitang, Kuala Penyu, Beaufort dan Papar serta Brunei Darussalam.

Dr Murnizam berkata pihaknya dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) akan menganjurkan Forum Perdana 'Dua Jiwa Satu Cinta' pada 18 November bermula pukul 7.30 malam.

Katanya, forum tersebut akan menampilkan Mudir Imam Muda, Dato' Hassan Mahmud Al-Hafiz, Pengurus PPZ Labuan, Ustaz Ahmad Sharizal Mohd Saffian dan Pengarah Pusat Islam UMS, Ustaz Dr Muhd Suhaimi Taat sebagai ahli panel manakala Ketua Imam Masjid Jamek An-Nur, Ustaz Mohd Najeeb Abd Rahim sebagai moderator.

Sementara itu, tiga artis terkenal tanahair iaitu Azlan & The Typewriter, Joey BPR dan Khai Bahar akan menghiburkan peminat pada 19 dan 20 November.

Manakala pemenang program TV3 Mentor Millenia iaitu Fareez Fauzi, Qody dan Syazwanie akan menemui peminatnya pada 20 November.

Sebanyak 17 acara diadakan untuk memeriahkan Tamu Gadang 2016 termasuk 12 acara yang menyediakan hadiah lumayan.

Katanya, 12 acara itu ialah Kid's Got Talent, Festival Tari dan Muzik Rakyat Antarabangsa, Memancing Pesisir Pantai, Volleyball Men's Open, UMSKAL Cooking Battle dan Graduate Run.

Selain itu, Battle Of The Gyms, UMSKAL Cyber Games Challenge, Kal-Cutey Catz Competition, Tarik Tali Se-Borneo, Restaurant Cooking Battle dan Futsal Men's Open.

Dr Murnizam berkata pihaknya turut mengadakan Simposium Perubatan Tradisional yang akan disertai tujuh pengamal perubatan, Forum Perdana, Pameran Big Bike dan Gerai Tamu Gadang.

"Tamu Gadang diadakan adalah untuk meraikan Majlis Konvokesyen UMS Ke-18 2016. Kami mengalu-alukan penyertaan daripada peserta dari seluruh negara dan antarabangsa," katanya.

Selain itu, beliau berkata penganjuran Tamu Gadang UMS Labuan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara UMS Labuan dengan jabatan dan agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Dr Murnizam juga yakin kehadiran peserta dari Sabah, Sarawak, Semenanjung dan Brunei serta negara-negara Asean akan membantu menjana ekonomi dan merencanakan lagi industri pelancongan tempatan.

Mereka yang berminat menyertai Tamu Gadang UMS Labuan 2016 boleh melayari laman web www.kal.ums.edu.my/tamugadang atau menghubungi 087-460409 (pejabat) untuk mendapatkan keterangan lanjut. **-OLEH JAIN-UDIN DJIMN**